

Bendera membelingas. Ia terkunci di dalam kotak! Mata-mata manusia tertumpu tajam padanya, seakan-akan ia haiwan di dalam kandang.

Dadanya

berkocak

gelisah.

Nadinya

merancak

resah.

Ruang kotak sempit itu membuatkan ia sesak. Ia mencari-cari John, tetapi tidak terjumpa.

\*\*\*

Seperti sebuah ketamadunan hebat yang telah lama tertimbus sepanjang zaman, pulau ini menyimpan sejarah yang jarang sekali kebenarannya digali. Sama ada kerana mereka tidak mempunyai perkakas untuk menggalinya, ataupun mereka ada perkakasnya, tetapi jentolak minda mereka tertimbun dengan keindahan istana pasir di atasnya. Malah, kemewahan yang menghiasi pulau ini juga sebenarnya ialah rekaan semata-mata. Hakikatnya, tidak ramai yang tahu atau ingin tahu tentang seribu kisah yang terkambus dalam pulau ini, kecuali aku.